

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

SOALAN : 255

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah mahasiswa Malaysia yang menyambung pelajaran di luar negara atas tajaan agensi kerajaan Malaysia atau GLC untuk 10 tahun lepas, mengikut pecahan bidang, purata pendapatan isi rumah, negeri dan kaum.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi Tempatan serta usaha menjadikan Malaysia sebagai Hab Pendidikan, penghantaran pelajar ke luar negara hanya terhad kepada universiti terkemuka serta bidang-bidang keperluan negara sahaja.

Bagi tahun 2013 hingga 2018, Penajaan JPA ke luar negara adalah meliputi bidang Kejuruteraan (86.4%), Sains (6.1%), Sains Sosial (3.9%) dan Kesihatan (3.6%). Statistik Penajaan JPA adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN
2013	350
2014	350
2015	339

SOALAN NO. 255

2016	220
2017	220
2018	220
JUMLAH KESELURUHAN	1,699

Nota: Negara-negara pengajian yang masih di bawah penajaan semasa ialah Jepun, Korea, Perancis, Jerman, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Pemilihan calon-calon ini adalah berasaskan dengan kecemerlangan akademik dan latar belakang sosioekonomi keluarga. Di samping itu, atas keprihatinan Kerajaan, golongan *socially disadvantaged* iaitu calon yang berada dalam kategori *Bottom 40* (B40) akan diberi keutamaan, terutamanya bagi Program Dermasiswa B40.

Manakala bagi penajaan Kerajaan melalui agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Khazanah Nasional Berhad, pecahan mengikut Yayasan Khazanah, Yayasan Telekom dan Yayasan Tenaga Nasional dari tahun 2008 hingga 2018 adalah seperti berikut:

I. **Jumlah pelajar tajaan** mengikut agensi:

Agensi	Jumlah Pelajar Tajaan
Yayasan Khazanah	364
Yayasan Telekom	109
Yayasan Tenaga Nasional	168
Jumlah Keseluruhan	641

II. **Statistiks** mengikut **Bidang Pengajian**

Bidang Pengajian	Yayasan Khazanah	Yayasan Telekom	Yayasan Tenaga Nasional
Jurusan Sains	133	104	139
Lain-lain Jurusan	231	5	29

SOALAN NO. 255**III. Purata pendapatan Isi Rumah Pelajar Tajaan**

Yayasan Khazanah	Yayasan Telekom	Yayasan Tenaga Nasional
RM12,000	RM10,000	N/A

IV. Statistik pelajar mengikut Kaum

Bidang Pengajian	Yayasan Khazanah	Yayasan Telekom	Yayasan Tenaga Nasional
Melayu	70%	73%	68%
Bumiputera Sabah/Sarawak	2%	8%	3%
Cina	21%	13%	17%
India	7%	6%	12%

V. Statistik pelajar mengikut Negeri

Negeri	Yayasan Khazanah	Yayasan Telekom	Yayasan Tenaga Nasional
Perlis	1	2	3
Kedah	15	3	15
Pulau Pinang	14	8	14
Perak	10	8	14
Selangor	174	34	35
Kuala Lumpur	84	14	20
Negeri Sembilan	11	5	8
Melaka	9	4	3
Johor	18	4	14
Pahang	3	4	7
Terengganu	5	3	9
Kelantan	4	8	11
Sabah	3	5	3
Sarawak	11	6	10
Labuan	0	0	0
Putrajaya	2	1	0
Lain-lain	1	0	2
Jumlah	364	109	168

Sekian, terima kasih.